



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

KURSUS	:	TAKAFUL
KOD KURSUS	:	DPB 3313
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:


BAHAGIAN A (15 Markah)
BAHAGIAN B (25 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A. Jawab **LIMA (5)** soalan dari BAHAGIAN B dan jawab **ENAM (6)** soalan sahaja dari BAHAGIAN C .
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 6 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi LIMA BELAS (15) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Insuran hayat merupakan satu bentuk musibah yang menyebabkan kematian, hilang upaya atau kecederaan tubuh badan.
2. Produk insuran merupakan salah satu jenis Insuran Am.
3. Peril adalah keadaan yang akan meningkatkan kebarangkalian berlakunya sesuatu kerugian.
4. Risiko asas melibatkan perseorangan dan perkara tersebut boleh dinilaikan.
5. Subrogasi adalah apa yang diminta oleh pihak yang berjanji sebagai balasan atas janjinya.
6. Imbalan merupakan satu proses membayar gantirugi kepada peserta di mana skim takaful berhak menuntut gantirugi daripada pihak ketiga yang bertanggungjawab terhadap kerugian tersebut.
7. Unsur maisir bermaksud risiko, bahaya, ketidakpastian, sesuatu yang tidak jelas.
8. Manfaat takaful boleh diperolehi apabila genap tempoh matang dan juga bila berlaku kematian
9. Agen bertindak sebagai orang tengah di antara pengendali dan pemegang polisi dengan menyesuaikan keperluan pembeli dengan produk insurans yang ditawarkan oleh pengendali insuran.
10. Polisi insuran merupakan dokumen yang digunakan sebagai makluman bahawa penginsuran telah menerima pembayaran sebagai pampasan daripada tuntutan yang dibuat.

11. Konsep mudharabah ialah konsep perkongsian di antara pihak insuran dan agen.
12. Insuran Am adalah berkaitan dengan banjir, gempa bumi dan perang.
13. Utmost Good Faith (UGF) dipraktikkan untuk membuat perjanjian di antara agen dan pelanggan.
14. Retakaful adalah insuran yang dibeli oleh pengendali untuk melindungi risiko yang telah diunderait.
15. Kontrak komisyen (jualah) ialah memberi kuasa kepada wakil menjalankan sesuatu kerja bagi pihak yang diwakilinya.

(15 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **LIMA(5)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan

**SOALAN 1**

Nyatakan **LIMA (5)** kepentingan insuran dalam ekonomi.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Nyatakan **DUA (2)** jenis insuran.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Terangkan secara ringkas mengenai Persatuan Insuran Am Malaysia (PIAM)

(5 markah)

**SOALAN 4**

Terangkan secara ringkas mengenai prinsip taawun dan prinsip tabaruu

(5 markah)

**SOALAN 5**

Huraikan mengenai risiko tulen dan risiko spekulatif

(5 markah)

**SOALAN 6**

Terangkan secara ringkas **DUA (2)** objektif sebelum pengurusan risiko

(5 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Dalam mengenalpasti risiko yang terjadi , beberapa proses pengurusan risiko perlu diambil kira. Berdasarkan pernyataan berikut, huraikan **LIMA (5)** pengurusan risiko di dalam Islam.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Kontrak insuran merupakan satu persetujuan undang-undang di antara insurer dan insured. Pihak insurer dan insured masing-masing akan menjalankan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

Bincangkan **LIMA(5)** elemen penting untuk membentuk kontrak insuran yang sah.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Untuk melaksanakan kontrak yang termetrai di antara pengendali syarikat takaful dan pemegang polisi, beberapa prinsip perlu di penuhi. Huraikan **LIMA (5)** prinsip kontrak takaful.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Huraikan secara jelas mengenai **LIMA (5)** operasi Takaful yang diamalkan dalam industri Takaful.

(10 markah)

**SOALAN 5**

Pasaran adalah istilah yang digunakan untuk menerangkan kemudahan untuk membeli dan menjual sesuatu barang.

- a) Huraikan DUA(2) komponen utama pasaran takaful  
(4 markah)
- b) Terangkan TIGA(3) jenis syarikat insuran di Malaysia  
(6 markah)

**SOALAN 6**

Terangkan mengenai sejarah perkembangan takaful di Malaysia

(10 markah)

**SOALAN 7**

Huraikan mengenai dokumen insuran atau takaful yang dikendalikan oleh Institusi Insuran Malaysia.

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

